



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 10 JUN 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MERCURY LEAK REPORTED IN MARDI LAB, NATION, KWONG WAH YIT POH -A9	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2. 3.	JOHOR TENGGARA TO ACQUIRE UNI-AGRO, NEWS, THE STAR -3 PROGRAM AGROPENEUR MUDA: SYARAT KELAYAKAN DAN PANDUAN PERMOHONAN, SEMAKAN ONLINE -ONLINE	UNIT AGROPENEUR MUDA (UAM)
4. 5. 6.	PERAK EXPECTS TO CHURN OUT RM390MIL WORTH OF AGRICULTURE PRODUCTS FORM JUNE 1-15, THE STAR -ONLINE UNJURAN HASIL PERTANIAN PERAK RM390 JUTA SEJAK 1 JUN, SINAR NEGERI PERAK/P.PINANG/KEDAH, SH -19 BILA TELUR AYAM PUN BOLEH JADI 'RACUN', NASIONAL, SH -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mercury leak reported in MARDI lab		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	10 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A9	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	98 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,099
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,296



## 西岭农业研究院化验室 温度计破裂水银泄漏

(居林9日讯) 西岭大马农业研究院(MARDI)化验室周二早上发生水银温度计破裂,导致水银泄漏事件,所幸无人伤亡。据吉打消防



消防员清理化验室水银,以策安全。

局文告指出,上述意外是在今早上午约11时许发生,当地消防局接获投报后,即刻派员赶往现场清理。

据了解,事发当时该院职员正在进行研究工作,不料水银温度计破裂,导致水银泄漏。

当局消防员即刻清空化验室及清理现场,以策安全;清理工作于中午12时30分结束,化验室随后也重新开放。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2020	THE STAR	NEWS	3

# Johor Tenggara to acquire Uni-Agro

**KUALA LUMPUR:** Johor Tenggara Oil Palm Bhd has proposed to acquire 100% equity interest in Uni-Agro Plantation Sdn Bhd for RM9.46mil cash.

In a filing with Bursa Malaysia, Johor Tenggara said the acquisition is part of the group's long-term plan to increase its plantation land bank to about 50,000 hectares.

"The acquisition of Uni-Agro, which owns a 394-hectare oil palm plantation estate strategically located in the east coast of the peninsula, is to facilitate the expansion of Johor Tenggara's activities in that region," it said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2020	SEMAKAN ONLINE	ONLINE	

## Program Agropreneur Muda: Syarat Kelayakan Dan Panduan Permohonan

Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) telah mewujudkan satu program untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro yang dinamakan Program Agropreneur Muda.

Program ini diwujudkan melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) bagi menggalakkan penglibatan kepada golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun sahaja di dalam bidang pertanian.

Melalui program ini, kerajaan mahu menggalakkan golongan muda terlibat dalam sektor keusahawanan agro melalui semua aktiviti dalam rantaian nilai sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

Baca juga: [Senarai Pinjaman Perniagaan Untuk Usahawan Baru & Lama](#)

Isi Kandungan: [Tunjuk](#)

### PROGRAM AGROPRENEUR MUDA MOA



Antara objektif program ini diwujudkan adalah untuk:

- Menarik golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian.
- Mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian sebagai salah sebuah industri yang berdaya maju.
- Meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.
- Menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa depan yang menjana pendapatan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011 – 2020)

Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang terlibat dalam Program Agropreneur Muda ini ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),

Terdapat 4 sektor utama di dalam Program Agropreneur Muda ini iaitu:

- Tanaman
- Perikanan
- Ternakan
- Industri Asas Tani

Bagi tahun 2020, permohonan bagi Program Agropreneur Muda dibuka dalam tiga fasa iaitu:

- Fasa 1: 1 – 31 Januari 2020
- Fasa 2: 1 – 31 Mei 2020 (dilanjutkan sehingga 15 Jun 2020)
- Fasa 3: 1 – 30 September 2020

### JENIS BANTUAN YANG DITAWARKAN

Terdapat 3 jenis bantuan yang ditawarkan melalui Program Agropreneur Muda ini iaitu:

- Geran Agropreneur Muda (GAM)**  
GAM ialah bantuan daripada kerajaan kepada agropreneur muda bagi membantu mereka meminimalkan impak kewangan dalam menjalankan perniagaan.

Geran ini diberi dalam bentuk barangan dengan nilai maksima RM20,000.00 setiap individu dan ianya tidak perlu dibayar balik.

Matlamat pemberian geran ini ialah dapat memberi impak dalam jangka masa panjang dari aspek perniagaan dan faedah ekonomi kepada penerima geran.

Senarai pakej GAM ini boleh dilihat melalui [di sini](#).

2. Pakej Pembiayaan

Pakej Pembiayaan diberikan dengan kadar keuntungan sebanyak dua peratus (2%) setahun bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun.

Had maksimum pembiayaan telah ditetapkan melalui agensi pembiayaan seperti:

- (i) Agrobank: Pembiayaan sehingga RM50,000 hingga RM200,000 bagi setiap projek.
- (ii) TEKUN Nasional: Pembiayaan sehingga RM 50,000 bagi setiap projek.

3. Khidmat Nasihat Teknikal dan Latihan

Khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian akan dilaksanakan melalui program-program yang dijalankan oleh jabatan/agensi atau syarikat yang dilantik oleh MOA berkaitan dengan projek yang dijalankan.

#### SYARAT KELAYAKAN

Syarat-syarat bagi melayakkan para pemohon dalam menyertai Program Agropreneur Muda adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia.
2. Pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
3. Pemohon boleh membaca, mengira, dan menulis.
4. Pemohon yang baru memulakan projek WAJIB mengikuti program latihan teknikal yang dianjurkan oleh jabatan/agensi di bawah MOA atau yang diiktiraf oleh MOA.
5. Pemohon memiliki Sijil/Diploma/Ijazah dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau Institut Latihan di bawah MOA berkaitan projek pertanian boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada mengikuti program latihan teknikal.
6. Keutamaan kepada individu yang mempunyai kemudahan tanah atau premis sedia ada.

Terdapat syarat tambahan bagi permohonan GAM iaitu pemohon yang telah menjalankan projek kurang dari tempoh setahun atau masih belum mencapai sasaran pengeluaran secara optimum, sokongan teknikal daripada Jabatan/Agensi pembimbing di bawah MOA adalah diperlukan dan boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada mengikuti program latihan teknikal. Setiap pemohon layak menerima GAM sekali seumur hidup sahaja.

Bagi Pakej Pembiayaan pula, terdapat syarat tambahan permohonan Pakej Pembiayaan iaitu:

1. Projek sedia ada telah melebihi tempoh setahun beroperasi.
2. Projek berdaya maju dan sesuai untuk penambahan kapasiti bagi pembesaran.
3. Mendapat sokongan teknikal daripada jabatan/agensi pembimbing dan agensi pembiayaan.

#### CARA UNTUK MEMOHON

Pemohon yang layak perlu membuat permohonan di Pejabat jabatan/agensi daerah di bawah MOA atau Negeri (bagi agensi yang tidak mempunyai pejabat di daerah), MAFI (Negeri Sabah) atau MANRED (Negeri Sarawak) yang terdekat dengan melengkapkan dokumen-dokumen seperti berikut:

1. Borang [UAM 01/14 \(pin.02/18\)](#) berserta salinan kad pengenalan yang disahkan oleh pegawai Jabatan / Agensi dan gambar berukuran passport.
2. Kertas Rancangan Perniagaan yang lengkap (rujuk [panduan](#)).
3. Senarai cadangan barangan yang dinyatakan pada Borang UAM 01/14 (pin.02/18) yang perlu disertakan anggaran sebut harga.
4. Salinan Sijil/Diploma/Ijazah yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau Institut Latihan dibawah MOA.
5. Borang permohonan pembiayaan Agrobank atau TEKUN Nasional (bagi permohonan kategori pembiayaan).

Carta alir permohonan GAM boleh dilihat [di sini](#) manakala carta alir permohonan Pakej Pembiayaan boleh dilihat [di sini](#).

#### PROSEDUR KELULUSAN ATAU PENOLAKAN

Terdapat beberapa prosedur untuk permohonan ini sama ada diluluskan atau ditolak iaitu:

1. Permohonan GAM berserta dokumen-dokumen yang lengkap dari Jabatan/Agensi Ibu Pejabat akan dikemukakan kepada pihak UAM, MOA untuk kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Geran & Pembiayaan Program Agropreneur Muda dan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Program Agropreneur Muda.

2. Dokumen Tawaran Kelulusan berserta Surat Aku Janji serta Borang Penilaian Sebutharga Pembekalan akan dikemukakan kepada pemohon yang berjaya melalui Jabatan/Agensi.
3. Bagi permohonan Pakej Pembiayaan, dokumen-dokumen yang lengkap daripada TEKUN/Agrobank Peringkat Cawangan akan dikemukakan kepada pihak TEKUN/Agrobank Peringkat Ibu Pejabat untuk kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan Agensi Pembiaya.
4. Hanya peserta yang lulus sahaja akan dihubungi dan diberi Surat Kelulusan melalui jabatan/agensi pembimbing yang berkaitan.

#### PELAKSANAAN GAM DAN PAKEJ PEMBIAYAAN

Setelah permohonan pemohon diluluskan, berikut merupakan pelaksanaan bagi GAM:

1. Surat Aku Janji – Borang UAM 2/18 dan Borang Penilaian Sebutharga Pembekalan – Borang UAM 06/17 (pin. 1/18) hendaklah dikembalikan dalam tempoh sah laku berserta tiga sebutharga yang lengkap (SSM/MOF) yang disahkan oleh Jabatan/Agensi Daerah/Negeri. Bagi syarikat yang mengenakan cukai, Surat Pendaftaran SST perlu dilampirkan bersama dan disahkan oleh jabatan/agensi yang terlibat.
2. Selepas itu, Jabatan/Agensi peringkat daerah bertanggungjawab menguruskan bantuan kepada pemohon GAM yang akan diselaraskan oleh jabatan/agensi Ibu Pejabat masing-masing.
3. Bagi perolehan GAM, peruntukan akan disalurkan kepada pembekal secara terus berkaitan projek yang diluluskan melalui agensi pembayar iaitu Agrobank.
4. Program khidmat nasihat dan latihan akan diselaraskan di peringkat negeri mengikut jadual berkala sedia ada yang telah diatur oleh jabatan/agensi sepanjang tahun.

Bagi pembiayaan pula, beberapa langkah pelaksanaan Pakej Pembiayaan akan dilakukan seperti berikut:

1. Pengeluaran wang adalah secara berperingkat mengikut kemajuan projek dan mestilah disokong berdasarkan dokumen yang sah.
2. Jumlah pembiayaan yang diluluskan akan terus disalurkan ke akaun pemohon bagi pembiayaan di bawah TEKUN. Manakala bagi pembiayaan di bawah Agrobank, bayaran bagi pembekalan akan disalurkan ke akaun pembekal.
3. Pembiayaan semula melalui TEKUN atau Pembiayaan Tambahan melalui Agrobank adalah dibenarkan untuk kali kedua hanya untuk satu projek yang sama dengan syarat bayaran pembiayaan terdahulu mempunyai rekod bayaran yang baik bagi tempoh dua belas bulan.
4. Tempoh penangguhan bayaran (*Grace Period*) diberikan bagi projek sehingga dua belas bulan dari tarikh pertama pengeluaran berjaya dilakukan.
5. Pelaksanaan pembiayaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada yang ditetapkan oleh TEKUN Nasional dan Agrobank.

#### PERTANYAAN DAN INFO LANJUT

Bagi yang berminat dan ingin mengajukan pertanyaan atau maklumat lanjut, anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi pihak kementerian melalui:

Laman web : [www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my)

Emel : [uam.agropreneurmuda@gmail.com](mailto:uam.agropreneurmuda@gmail.com)

Facebook : <https://www.facebook.com/AgroyouthMOA/>

Twitter : [@agroyouthmoa](https://twitter.com/agroyouthmoa)

Instagram : [@agroyouthmoa](https://www.instagram.com/agroyouthmoa)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2020	THE STAR	ONLINE	

### Perak expects to churn out RM390mil worth of agriculture products from June 1-15



IPOH: The Perak government expects the state to produce an estimated RM390mil worth of fish, chickens, eggs, pork and cow's milk through its Fishery and Veterinary Services Department from June 1-15.

State Agriculture, Fishery, Plantation and Food Security Committee chairman Datuk Abdul Yunus Jamahri said the state has allocated at least RM3.95mil to further develop projects involving the breeding of farm animals and fish, as well as agricultural products.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2020	SIANR HARIAN	SINAR NEGERI PERAK/ P.PINANG/ KEDAH	19

## Unjuran hasil pertanian Perak RM390 juta sejak 1 Jun

**IPOH** - Kira-kira RM390 juta nilai keseluruhan unjuran pengeluaran hasil kluster pertanian merangkumi tanaman, perikanan dan ternakan yang berdaftar dicatatkan di Perak sejak 1 Jun lepas menjamin bekalan makanan mencukupi di negeri itu.

Exco Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, daripada jumlah itu, lebih RM105 juta membabitkan nilai pengeluaran ayam, RM45.8 juta bagi telur ayam, RM199.4 juta bagi ikan, RM534,139 susu lembu dan RM21.09 juta daging khinzir.

“Anggaran nilai pengeluaran bagi kategori tanaman pula adalah melebihi RM18 juta melibatkan kontan, herba, tanaman ladang, Industri dan Komoditi Berpotensi, sayur buah, sayur daun dan buah-buahan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, golongan petani, penternak dan nelayan yang tidak dapat menjual hasil sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diminta menghubungi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) supaya memperoleh bantuan dalam penjualan hasil-hasil berkenaan menerusi Skim Agro Prihatin. - *Bernama*

# Bila telur ayam pun boleh jadi 'racun'


Rakyat Malaysia mengambil secara keseluruhannya kira-kira 2.8 juta telur ayam dalam sehari

**K**etika umat Islam masih bergembira merayakan Aidilfitri, negara tiba-tiba digemparkan dengan berita kematian seorang wanita angkara keracunan puding buih pada 11 Syawal lalu. Seramai 74 orang lagi turut dirawat di hospital kerana puding berkenaan.

Wanita berusia 25 tahun dari Marang, Terengganu itu disahkan meninggal dunia disebabkan kegagalan multiorgan akibat kejutan sepsis selepas memakan puding buih yang dibeli secara dalam talian.

Terdahulu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Dr Alias Razak berkata, hasil ujian makmal mendapati penggunaan telur bertarikh luput lebih dua minggu menjadi punca utama kes keracunan makanan itu.

Insiden yang berlaku menimbulkan persoalan adakah telur yang menjadi pilihan lazim isi rumah di negara ini boleh menjadi ancaman kepada kesihatan.



Penyakit bawaan bakteria salmonella boleh juga berpunca daripada telur ayam.



**Analisis  
BERITA**

LIZA MOKHTAR

Apatah lagi berdasarkan statistik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, dianggarkan rakyat Malaysia secara keseluruhannya mengambil sebanyak 2.8 juta telur ayam sehari.

Pensyarah Mikrobiologi Perubatan Program Sains Bioperubatan Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Noraziah Mohamad Zin berkata, telur mempunyai kandungan protein yang tinggi dan sesuai menjadi tempat pertumbuhan banyak jenis bakteria penyebab penyakit kepada manusia seperti *salmonella*, *staphylococcus aureus*, *strodium perfringes* dan *pseudomonas*.

"Apabila telur tamat tempoh, bermakna jangka masa telur berada di persekitaran telah melebihi jangka masa tertentu dan tidak selamat untuk dimakan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Noraziah, sekiranya telur tersebut tidak bersih (kontaminasi dengan najis ayam misalnya), terdapat rekahan pada kulitnya, ia akan menyebabkan kemasukan bakteria ke dalam telur dan membiak dengan cepat dan menyebabkan jangkitan kepada manusia.

"Seringkali juga terdapat telur yang pecah di dalam rak yang sama. Kontaminasi secara silang boleh berlaku kepada telur lain.

"*Salmonella* selalu dijumpai di bahagian luar kulit telur kerana bakteria ini biasa didapati pada saluran intestinal ayam. Terdapat 2,500 spesies *salmonella* yang dibawa oleh

haiwan ternakan seperti ayam dan haiwan-haiwan liar.

"Telur tamat tempoh yang tercemar dengan *salmonella* boleh mengakibatkan gejala penyakit seperti loya, muntah, kekejangan perut, cirit-birit, menggigil dan sakit kepala.

"Dalam kebanyakan kes, penyakit ini boleh berlangsung antara empat hingga tujuh hari selepas memakan makanan yang tercemar dengan salmonella manakala simptom boleh dilihat selepas enam jam hingga enam hari.

"Individu yang mempunyai sistem imuniti yang rendah seperti orang tua dan kanak-kanak lebih terdedah kepada jangkitan yang lebih serius," kata Noraziah yang berpengalaman selama 25 tahun membuat kajian tentang *salmonella* dan lain-lain bakteria penyebab penyakit.

## Ujian kesegaran telur

Ditanya bagaimana mahu mengetahui sama ada telur itu selamat atau tidak untuk dimakan, Noraziah menjawab ia boleh diuji dengan meletakkan telur ke dalam sebekas atau segelas air.

"Sekiranya telur itu timbul bermakna telur itu tidak baik dan perlu dibuang, sekiranya tenggelam dalam satu hujungnya, bermakna telur itu agak tidak elok tapi boleh dimakan.

"Hanya telur yang tenggelam dalam keadaan keseluruhan bahagiannya (melejang) dikira masih baik dan boleh digunakan. Perhatikan tarikh luput dan hanya menggunakan telur sebelum tarikh luput," katanya lagi.

Noraziah menegaskan, telur yang retak, berlendir kulitnya dan berbau busuk perlu dibuang serta-merta.

Dalam pada itu, wajarkah kita berasa bimbang mernan-



SEGAR



SEMINGGU



3-4 MINGGU



LAMA

Ujian mudah yang boleh dilakukan di rumah untuk mengetahui tahap kesegaran telur ayam sebelum digunakan.

dangkan kes keracunan yang meragut nyawa itu melibatkan penjualan makanan menerusi secara dalam talian yang sudah menjadi satu trend terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Mohd. Salim Dulatti berkata, pihaknya telah mengeluarkan garis panduan khusus untuk pengendali dan pengusaha makanan ketika PKP dan PKPB.

Pengendali makanan termasuklah mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan, menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan dan mengendalikan makanan yang dibungkus atau tidak dibungkus.

Pengusaha makanan pula melibatkan pemilik perniagaan makanan seperti kedai makan, restoran, kateker dan pengusaha makanan di rumah.

"Pihak kami telah mengeluarkan garis panduan keselamatan makanan bagi produk makanan yang dijual secara dalam talian sepanjang PKP dan PKPB.

"Antara lain, pengusaha makanan di rumah perlu sentiasa mengutamakan kebersihan diri dan mematuhi arahan keselamatan makanan yang telah ditetapkan KKM selain tidak memasarkan produk yang telah luput tarikh," kata Mohd. Salim kepada *Sinar Harian*.

## Info kes keracunan makanan

3 Jun 2020

Wanita berusia 25 tahun dari Marang yang merupekan mangsa keracunan puding buih meninggal dunia.

5 Januari 2020

Keracunan makanan melibatkan guru-guru Tadika PASTI seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menghadapi kursus di sebuah pusat latihan di Cheras, Kuala Lumpur.

14 Februari 2019

49 pelajar Sekolah Kebangsaan (2) Taman Keramat, Kuala Lumpur mengalami gejala muntah, sakit perut dan cirit-birit selepas bersarapan di kantin.



DR NORAZIAH



MOHD. SALIM